

Dayang dipilih Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa SPKAL

NST 28.03.2012 8

LABUAN: Pelajar Tahun Dua, Dayang Hadiyah Awang Sepuan dipilih sebagai Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (PMSPKAL), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) yang baru bagi Sesi 2012.

Timbalan Yang Dipertua disandang oleh Johnny Chai Sheng Huat, Setiausaha, Yeap Peik Wen dan Bendahari, Tan Wei Yang.

Majlis pelantikan jawatan itu diadakan minggu lalu di Tingkat 11, Bangunan Menara UMS-KAL dan disaksikan oleh Pemangku Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki.


Turut hadir Penyelaras Persatuan Mahasiswa Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, Ling Tai Hu dan Ricky

Chia Chee Jiun.

Dalam ucapannya, Dr. Norazah berterima kasih atas sumbangan Ahli Jawatankuasa PM-SPKAL sesi 2011 serta mengalakkan barisan baru meneruskan usaha meningkatkan prestasi serta imej PMSPKAL.

"Saya mengingatkan mahasiswa dan mahasiswi supaya tidak mengejar kecemerlangan kokurikulum sebaliknya perlu menjaga keseimbangan antara akademik dan kokurikulum," katanya.

Enam lagi pelajar dilantik sebagai majlis eksekutif iaitu Exco Akademik, Liu Hui Ching, Exco Diplomatik, Suria Kumar a/l Hari Krishnan, Exco Kebajikan, Nurul Aisyah Mohd Ladin, Exco Keusahawanan, Chia Boon Cheng, Exco Publisiti, Teh Chin Wei dan Exco Antarabangsa, Zhang YuChan. **-OLEH JAIN-UDIN DJIMIN**



BARISAN PMSPKAL.... Dr Norazah (tiga dari kanan), Ricky Chia (kanan) dan Ling Tai Hu (kiri) bersama Barisan PMSPKAL Sesi 2012 yang diketuai Dayang Hadiyah (dua dari kanan) dan Johnny Chai Sheng Huat (dua dari kiri).